



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PENGURUSAN PERUBAHAN
PEMANSUHAN PERATURAN-PERATURAN KILANG DAN JENTERA
(KENDALIAN BANGUNAN DAN KERJA PEMBINAAN
KEJURUTERAAN) (KESELAMATAN) 1986 / (PERATURAN BOWECS)**

(Dikemas kini pada: 21 Jun 2024)

Bil.	Perkara	Muka surat
A	PERATURAN DAN PERINTAH SEDIA ADA BERKENAAN KERJA PEMBINAAN DI BAWAH AKTA KILANG DAN JENTERA 1967	1
B	PERAKUAN KEKOMPETENAN	2
C	PEMBERITAHUAN TAPAK KENDALIAN BANGUNAN ATAU KERJA PEMBINAAN KEJURUTERAAN	3
D	REKA BENTUK DAN LUKISAN PERANCAH	5

A) PERATURAN DAN PERINTAH SEDIA ADA BERKENAAN KERJA PEMBINAAN DI BAWAH AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

Soalan A-1

Apakah status Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja Pembinaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986 atau Peraturan BOWECS selepas Akta Kilang dan Jentera 1967 dimansuhkan bermula 1 Jun 2024?

Apabila Akta Kilang dan Jentera 1976 dimansuhkan bermula 1 Jun 2024, Peraturan BOWECS turut dimansuhkan dan digantikan dua peraturan baharu iaitu:

(i) Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka bentuk dan Pengurusan) 2024 [P.U. (A) 147/2024] (selepas ini dipanggil Peraturan CDM) - Peraturan ini mengandungi kehendak-kehendak keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebajikan bagi kerja pembinaan. **(Berkuatkuasa pada 1 Jun 2024)**

(ii) Peraturan - Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja di Tempat Tinggi) 202X (selepas ini dipanggil Peraturan WAH) - Peraturan ini mengandungi kehendak-kehendak berhubung kerja di tempat tinggi (*Work at height / WAH*) seperti peruntukan berkaitan keselamatan perancah. **(Masih dalam proses pewartaan)**

Soalan A-2

Apakah status Perintah Khas Ketua Pemeriksa Kepada Pengurus Projek Berkenaan Pengurusan dan Pengendalian Selamat Kren Menara 2017, Perintah Khas Ketua Pemeriksa Bil 1 Tahun 2020 - Pengurusan Keselamatan Struktur Sementara (Perancah, Acuan dan Penyangga) dan Perintah Khas Ketua Pemeriksa Bil 2 Tahun 2020 - Pengurusan dan Pengendalian Selamat Kren Bergerak yang telah dikeluarkan oleh JKKP selepas Akta Kilang dan Jentera 1967 dimansuhkan bermula 1 Jun 2024?

Apabila Akta Kilang dan Jentera 1967 dimansuhkan bermula 1 Jun 2024, ketiga-tiga Perintah Khas Ketua Pemeriksa ini turut dimansuhkan.

B) PERAKUAN KEKOMPETENAN

Soalan B-1

Apakah status perakuan kekompetenan “Penyelia Keselamatan Tapak” di bawah Peraturan BOWECS yang telah dimansuhkan?

Perakuan kekompetenan “Penyelia Keselamatan Tapak” yang telah dikeluarkan sebelum atau pada 31 Mei 2024 di bawah Peraturan BOWECS, adalah masih sah sehingga tamat tarikh luput dan diuruskan di bawah Peraturan CDM.

Pemegang perakuan kekompetenan hendaklah membuat pembaharuan pendaftaran di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] secara dalam talian (sistem MyKKP) bersama fi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Orang Kompeten dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024 mengikut syarat yang dimuat naik di dalam portal Jabatan sebelum tamat tarikh luput. Tempoh sah pendaftaran adalah 3 tahun dari tarikh yang diluluskan.

Soalan B-2

Apakah status “Pengendali Perancah” di bawah Peraturan BOWECS yang telah dimansuhkan?

Bagi perakuan kekompetenan “Pengendali Perancah” yang telah dikeluarkan sebelum atau pada 31 Mei 2024 di bawah Peraturan BOWECS, majikan atau penghuni boleh terus menggunakan khidmat mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan BOWECS sehingga suatu perundangan baharu [Peraturan - Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja di Tempat Tinggi) 202X (selepas ini dipanggil Peraturan WAH)] dikeluarkan di bawah Akta 514.

Buat masa ini modul pengendali perancah dalam sistem MyKKP telah ditutup atau dinyahaktifkan sehingga Peraturan WAH diwartakan.

Majikan boleh terus mengambil kerja atau melantik mana-mana orang bagi menjalankan kerja pemasangan, pengubahsuaian atau perombakan perancah di kalangan pengendali perancah yang telah hadir dan lulus kursus pengendali perancah daripada Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) JKKP bagi menjalankan kerja pemasangan, pengubahsuaian dan perombakan perancah, mengikut tahap iaitu asas, pertengahan atau tertinggi.

Soalan B-3

Apakah status “orang ditetapkan” di bawah Peraturan BOWECS yang dikenali sebagai pemeriksa perancah dan penyelia perancah selepas Peraturan BOWECS dimansuhkan?

Bagi pemeriksa perancah dan penyelia perancah sedia ada di bawah Peraturan BOWECS, majikan atau penghuni boleh terus menggunakan khidmat mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan BOWECS sehingga suatu perundangan baharu [Peraturan - Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja di Tempat Tinggi) 202X (selepas ini dipanggil Peraturan WAH)] dikeluarkan di bawah Akta 514.

C) PEMBERITAHUAN BERHUBUNG KENDALIAN BANGUNAN ATAU KERJA PEMBINAAN KEJURUTERAAN

Soalan C-1

Apakah status pemberitahuan yang belum selesai berhubung kendalian bangunan atau kerja pembinaan kejuruteraan di bawah Seksyen 35(1) Akta Kilang dan Jentera 1967 / Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) 1970 yang diterima sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Pemberitahuan yang diterima sebelum atau pada 31 Mei 2024 akan diuruskan mengikut Akta Kilang dan Jentera 1967 sehingga selesai.

Soalan C-2

Apakah status pemberitahuan sedia ada di bawah Seksyen 35(1) Akta Kilang dan Jentera 1967 / Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) 1970 yang telah dibuat sebelum atau pada 31 Mei 2024?

Pemberitahuan yang telah dibuat di bawah Seksyen 35(1) Akta Kilang dan Jentera 1967 / Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) 1970 sebelum atau pada 31 Mei 2024, masih terpakai dan tidak perlu membuat pemberitahuan semula di bawah Peraturan CDM.

Soalan C-3

Adakah pemberitahuan berhubung kendalian bangunan atau kerja pembinaan kejuruteraan (JKJ 103) perlu dibuat selepas 31 Mei 2024?

Selepas 31 Mei 2014, pemberitahuan berhubung kendalian bangunan atau kerja pembinaan kejuruteraan (JKJ 103) tidak perlu dilakukan. Bermula 6 Jun 2024, pemberitahuan projek pembinaan (JKKP 12) di bawah Peraturan 8 Peraturan CDM hendaklah dibuat oleh klien projek pembinaan melalui *Google Form* yang boleh dicapai menerusi pautan <https://forms.gle/8tbPdHUBDRQ52Cnu8>; atau kod respons pantas (QR).



Nota 1: *Google Form* ini akan digunakan sehingga suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Nota 2: Capaian dan fungsi pemberitahuan kendalian bangunan atau kerja pembinaan kejuruteraan (JKJ103) dalam MyKKP tidak ditamatkan kerana masih diperlukan untuk modul loji yang menghendaki perakuan kelayakan yang akan dipasang di tapak pembinaan.

D) REKA BENTUK DAN LUKISAN PERANCAH

Soalan D-1

Apakah prosedur yang perlu dilakukan oleh majikan berhubung keperluan reka bentuk dan lukisan perancah di bawah Peraturan 75 Peraturan BOWECS yang telah dimansuhkan?

Bermula 1 Jun 2024, berhubung dengan reka bentuk dan lukisan perancah hendaklah mematuhi seksyen 15, seksyen 18A dan seksyen 20(3) AKKP 1994, di mana majikan masih mempunyai kewajipan untuk menyediakan dan menyenggara perancah dan sistem kerja yang selamat bagi perancah, menjamin penggunaan perancah yang selamat, menyediakan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan perancah, dan membangunkan tatacara bagi berurusan dengan kecemasan semasa penggunaan perancah.

Selain itu, pemasangan dan penggunaan perancah juga hendaklah mematuhi Peraturan 21 Peraturan CDM yang menetapkan kewajipan klien, pereka bentuk kerja pembinaan dan kontraktor kerja pembinaan berkenaan kestabilan struktur (perancah).

Sehubungan itu, semua reka bentuk perancah yang dipasang, diguna dan dirombak perlulah berdasarkan kepada manual arahan pengilang yang disediakan mengikut standard diiktiraf, seperti BS EN 12810 (modular), BS 12811 / TG20-*Design Guide* oleh Jurutera Professional (PEPC) (tiub) manakala pemasangan, penggunaan dan perombakan perlulah berdasarkan TG20-*Operational Guide*, SG4 dan mana-mana panduan teknikal yang setara dengannya.

Disediakan oleh:

**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Kementerian Sumber Manusia
21 Jun 2024**